

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 25.07.2025 MASA: 5.34 PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN KEMPEN PREMIS MAKANAN
BERSIH & PELANCARAN GOTONG-ROYONG DI
KOMPLEKS MAKANAN TAMAN PAUH JAYA (EVOKE)
SEBERANG PERAI TENGAH**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**29 JULAI 2025 (SELASA)
12.30 TENGAHARI**

**KOMPLEKS MAKANAN TAMAN PAUH JAYA (EVOKE)
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Tengahari, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita dapat berhimpun pada tengahari yang penuh makna ini dalam **Majlis Perasmian Kempen Premis Makanan Bersih & Pelancaran Gotong-Royong Di Kompleks Makanan Taman Pauh Jaya (EVOKE) Seberang Perai Tengah.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua hadirin yang meluangkan masa untuk hadir ke majlis ini. Khususnya, penghargaan saya tujukan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang telah sudi menyalurkan peruntukan serta memberi sokongan penuh terhadap penganjuran kempen ini.
3. Tidak dilupakan juga kepada barisan Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil agensi kerajaan, rakan-rakan strategik, para pengusaha premis makanan, warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta komuniti setempat yang turut sama hadir dan turun padang bagi menyokong usaha murni ini. Kerjasama dan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan komitmen yang

tinggi dalam menjayakan agenda kebersihan dan kesejahteraan bandaraya Seberang Perai.

4. Kempen Premis Makanan Bersih ini bukanlah sekadar program tahunan yang bersifat simbolik, tetapi merupakan manifestasi komitmen dan kesungguhan berterusan MBSP bersama KPKT dalam mendidik, membudayakan dan memperkasakan para pengusaha serta masyarakat ke arah amalan kebersihan dan keselamatan makanan yang berterusan serta mampan.
5. Saya amat yakin bahawa premis makanan yang bersih, selamat dan sistematik bukan sahaja dapat mengelakkan penularan penyakit bawaan makanan, malah mampu meningkatkan keyakinan pengguna, melonjakkan ekonomi tempatan dan memperkuuh imej Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya yang prihatin terhadap kesejahteraan awam.
6. EVOKE yang menjadi lokasi kempen pada hari ini dipilih kerana potensinya sebagai pusat tumpuan masyarakat. Justeru, MBSP menyasarkan agar tahap kebersihan di sini dapat ditingkatkan daripada Gred B ke Gred A, selaras dengan piawaian kebersihan dan keselamatan yang telah ditetapkan Pihak Berkuasa Tempatan.
7. Seiring dengan pelaksanaan kempen ini, program gotong-royong turut dilancarkan sebagai simbol permulaan usaha kolaboratif antara pihak berkuasa, komuniti dan pengusaha dalam memastikan persekitaran

gerai dan premis makanan sentiasa berada dalam keadaan yang bersih dan terjaga.

8. Sesungguhnya, semangat gotong-royong adalah warisan murni yang perlu diperkasakan kembali dalam kehidupan bermasyarakat hari ini. Ia bukan sekadar satu aktiviti fizikal pembersihan, tetapi mencerminkan sikap tanggungjawab kolektif serta nilai perpaduan dalam menjaga ruang awam yang dikongsi bersama.
9. Saya juga ingin memaklumkan bahawa MBSP telah menganjurkan Pertandingan Premis Makanan Bersih, Selamat dan Cantik sebagai pengiktirafan kepada pengusaha yang berjaya mengaplikasikan prinsip kebersihan secara konsisten dan berkesan. Daripada 19 unit gerai aktif, sebanyak tujuh (7) gerai telah menyertai pertandingan ini, dan hari ini, tiga (3) premis terbaik akan diumumkan sebagai pemenang, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada para pemenang yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam penyelenggaraan premis masing-masing.
10. Saya berharap kempen ini dapat menjadi pemangkin kepada perubahan sikap dan budaya kerja yang lebih positif dalam kalangan para pengusaha premis makanan. Kebersihan seharusnya menjadi rutin harian, bukan hanya sewaktu penilaian atau pertandingan. Amalan menjaga kebersihan adalah cerminan integriti pengusaha serta keprihatinan terhadap pelanggan dan masyarakat sekeliling.

11. Sebagai Datuk Bandar, saya menyimpan harapan besar agar budaya kebersihan dapat terus disemai dan dihayati, bukan sahaja dalam sektor makanan, malah dalam seluruh ekosistem kehidupan masyarakat bandaraya ini. Bandaraya Seberang Perai akan lebih gemilang sekiranya rakyatnya mendukung nilai kebersihan, kesihatan dan kecintaan terhadap persekitaran.
12. Semoga usaha murni ini menjadi pencetus kepada lebih banyak inisiatif bersama yang mampu memperkuuh budaya kebersihan dalam komuniti, serta menjadikan Seberang Perai sebuah bandaraya yang bersih, sihat dan sejahtera untuk semua.
13. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Kempen Kesihatan Persekitaran bagi Kempen Premis Makanan Bersih Peringkat MBSP anjuran KPKT Tahun 2025** serta melancarkan **Program Gotong-Royong di Kompleks Makanan Taman Pauh Jaya, Seberang Perai Tengah**.

"Premis Bersih, Kesihatan Terjamin."

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***